

Jumlah mangsa banjir di Batu Pahat menurun

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD dan HASNURUL MOHAMED

JOHOR BAHRU 25 Jan. - Jumlah mangsa banjir di Batu Pahat menunjukkan penurunan kepada 49,009 orang melibatkan 11,424 keluarga yang masih tinggal di pusat-pusat pemindahan banjir.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen

(IPK) negeri, Asisten Supritendan Mohd. Taman Mansor berkata, sehingga pukul 6 petang ini sebanyak 107 pusat penempatan sementara masih dibuka di daerah itu.

"Keadaan di Batu Pahat bertambah baik cuma air bertahan masih belum surut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata, enam jalan raya ke Batu Pahat masih belum boleh dilalui oleh

um 6/1

Enam jalan raya ke Batu Pahat masih belum boleh dilalui oleh kenderaan

kenderaan.

"Setakat ini, enam jalan raya itu masih kekal tidak boleh dilalui manakala daerah-daerah lain tiada lagi banjir dilaporkan," ka-

MOHD. TAMAN MANSOR
Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor

tanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Pelajaran Johor, Yazid Md. Said berkata, sebanyak 28,785 mangsa banjir di Batu Pahat ma-

sih ditempatkan di 57 sekolah yang dijadikan pusat pemindahan.

Jumlah itu jelas beliau, tidak termasuk 17 sekolah di daerah tersebut ditutup kerana ditenggelami air.

Yazid berkata, gelombang kedua banjir baru-baru ini menyebabkan kira-kira 7,659 pelajar sekolah rendah dan menengah di Batu Pahat terjejas sama ada pembelajaran atau hari persekolahan mereka.